

# MAHKAMAH PERUSAHAAN

## NOTA AMALAN BIL. 1 TAHUN 2021

### PERBICARAAN KES MELALUI TEKNOLOGI KOMUNIKASI JARAK JAUH

Tujuan Nota Amalan ini adalah bagi mengawal selia pelaksanaan perbicaraan kes melalui teknologi komunikasi jarak jauh di Mahkamah Perusahaan Malaysia bagi memastikan perbicaraan kes berjalan dengan lancar.

Dalam menjalankan kuasa yang diberikan di bawah seksyen 28 Akta Perhubungan Perusahaan 1967, saya dengan ini mengeluarkan arahan-arahan seperti berikut:

#### 1. Permulaan kuat kuasa dan pemakaian

1.1 Nota Amalan ini mula berkuat kuasa pada **1 Februari 2021**.

1.2 Nota Amalan ini hendaklah dibaca bersama-sama:

- a) Nota Amalan Bil 1 Tahun 2019 Sistem e-Pemfailan dan e-Penyerahan; dan
- b) Kaedah-Kaedah Mahkamah Perusahaan (Perekodan Digital bagi Prosiding) 2015.

#### 2. Tafsiran

'Teknologi komunikasi jarak jauh' bermaksud rangkaian video secara langsung, rangkaian televisyen secara langsung atau apa-apa cara komunikasi secara elektronik yang lain.

#### 3. Perbicaraan Kes melalui Teknologi Komunikasi Jarak Jauh

3.1 Bagi tujuan perbicaraan kes melalui teknologi komunikasi jarak jauh, ia boleh dilaksanakan sebagaimana berikut:

- a) dengan permohonan oleh Yang Menuntut / wakil Syarikat / Peguam atau Wakil yang mewakili pihak-pihak bertikai untuk pendengaran kes melalui teknologi komunikasi jarak jauh dan ia tertakluk kepada kelulusan pihak Mahkamah; atau

- b) Mahkamah boleh setelah mempertimbangkan keadaan semasa mengarahkan perbicaraan kes dijalankan melalui teknologi komunikasi jarak jauh.

### 3.2 Permohonan bagi Perbicaraan Kes melalui Teknologi Komunikasi Jarak Jauh

- a) Yang Menuntut / wakil Syarikat / Peguam atau Wakil yang mewakili pihak-pihak bertikai perlu mengemukakan permohonan kepada Mahkamah melalui surat atau e-mel selewat-lewatnya 14 hari sebelum tarikh perbicaraan;
- b) Notis makluman kebenaran untuk perbicaraan dilaksanakan melalui teknologi komunikasi jarak jauh akan dikemukakan oleh Mahkamah kepada Yang Menuntut / wakil Syarikat / Peguam atau Wakil yang mewakili pihak-pihak bertikai dalam tempoh 7 hari sebelum tarikh perbicaraan; dan
- c) Notis makluman tersebut akan menyatakan tarikh yang telah ditetapkan, masa dan tempat akan dijalankan melalui teknologi komunikasi jarak jauh.

### 3.3 Pelaksanaan Perbicaraan Kes melalui Teknologi Komunikasi Jarak Jauh melalui Arahan Mahkamah

Sekiranya pelaksanaan perbicaraan kes melalui teknologi komunikasi jarak jauh diarahkan oleh Mahkamah, kesemua prosedur di perenggan 3.2 (b) dan 3.2 (c) adalah terpakai.

### 3.4 Rujukan Dokumen untuk Perbicaraan Kes melalui Teknologi Komunikasi Jarak Jauh

- a) Hanya dokumen/pliding yang telah difailkan oleh Yang Menuntut / wakil Syarikat / Peguam atau Wakil yang mewakili pihak-pihak bertikai menggunakan sistem e-Pemfailan dan e-Penyerahan sahaja akan dibenarkan untuk dirujuk semasa perbicaraan kes.

### 3.5 Lokasi dan Pihak-pihak untuk Perbicaraan Kes melalui Teknologi Komunikasi Jarak Jauh

- a) Perbicaraan melalui teknologi komunikasi jarak jauh akan dijalankan di Mahkamah yang ditetapkan dengan kehadiran Pengerusi dan Jurubahasa.

- b) Bagi pihak-pihak yang bertikai, hanya saksi yang tidak dapat hadir di mahkamah secara fizikal, atas persetujuan kedua-dua pihak, akan memberi keterangan dari tempat yang sesuai untuk saksi tersebut seperti di pejabat atau rumah.
- c) Bagi keadaan tertentu, Mahkamah atas budi bicaranya boleh membenarkan mana-mana pihak yang tidak dapat hadir secara fizikal ke Mahkamah, untuk menghadiri perbicaraan melalui teknologi komunikasi jarak jauh dari lokasi yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak atau ditentukan oleh Mahkamah.

### 3.6 Sistem Aplikasi dan Fasiliti untuk Kegunaan Perbicaraan Kes secara Teknologi Komunikasi Jarak Jauh

- a) Sesi perbicaraan melalui teknologi komunikasi jarak jauh akan dijalankan menggunakan perisian yang sesuai dan berfungsi seperti yang ditentukan oleh Mahkamah.
- b) Semua pihak perlu memuat turun perisian bagi perbicaraan melalui teknologi komunikasi jarak jauh yang ditentukan oleh Mahkamah untuk prosiding tersebut;
- c) Setiap pengguna bertanggungjawab untuk memastikan keperluan minima perkakasan, perisian dan capaian internet disediakan terlebih dahulu sebelum memulakan sesi perbicaraan melalui teknologi komunikasi jarak jauh bagi memastikan perbicaraan tersebut berjalan lancar tanpa gangguan.

### 3.7 Semasa Hari Perbicaraan melalui Teknologi Komunikasi Jarak Jauh

- a) Semua pihak hendaklah berada dalam talian sekurang-kurangnya 30 minit sebelum masa yang ditetapkan untuk perbicaraan bermula bagi sesi ujian (*trial run*);
- b) Mahkamah akan menghantar jemputan kepada Yang Menuntut / wakil Syarikat / Peguam atau Wakil yang mewakili pihak-pihak bertikai melalui perisian yang ditetapkan untuk menyertai perbicaraan melalui teknologi komunikasi jarak jauh;
- c) Pihak Yang Menuntut / wakil Syarikat / Peguam atau Wakil yang mewakili pihak-pihak bertikai akan menerima jemputan melalui perisian tersebut untuk menyertai perbicaraan melalui teknologi komunikasi jarak jauh;
- d) Yang Menuntut / wakil Syarikat / Peguam atau Wakil yang mewakili pihak-pihak bertikai hendaklah memastikan etika dan prosedur dalam bilik mahkamah dipatuhi semasa perbicaraan

melalui teknologi komunikasi jarak jauh berlangsung sebagaimana jika ianya dijalankan secara fizikal seperti berikut:

- i. berpakaian kemas seperti semasa menghadiri perbicaraan fizikal;
  - ii. bersedia dalam talian sekurang-kurangnya tiga puluh (30) minit sebelum perbicaraan melalui teknologi komunikasi jarak jauh berlangsung;
  - iii. memastikan hanya pihak-pihak yang dijemput sahaja berada dalam sesi perbicaraan melalui teknologi komunikasi jarak jauh tersebut;
  - iv. memastikan kedudukan kamera pada peralatan yang digunakan dalam perbicaraan tersebut berada di paras mata;
  - v. perbicaraan akan dimulakan dengan pihak-pihak memperkenalkan diri;
  - vi. mematuhi arahan Pengerusi mengenai cara pengendalian sesi tersebut iaitu dari segi pemanggilan saksi yang berkenaan dan penggunaan dokumen-dokumen yang berkaitan;
  - vii. hendaklah menghadap kamera sepanjang sesi perbicaraan melalui teknologi komunikasi jarak jauh berjalan;
  - viii. tidak membuat apa-apa "*hand gesture*" atau gerak badan yang tidak sopan;
  - ix. sentiasa mengamalkan etika semasa di Mahkamah sepanjang sesi perbicaraan melalui teknologi komunikasi jarak jauh berjalan;
  - x. hanya menggunakan satu bahasa sahaja bagi setiap saksi;
  - xi. hanya satu pihak sahaja yang dibenarkan bercakap pada satu-satu masa;
  - xii. tidak mengulang soalan / jawapan bagi menjimatkan masa;
  - xiii. setiap soalan hendaklah dijawab dengan jawapan yang jelas dan bukan mengangguk / menggeleng kepala sahaja; dan
  - xiv. berada dalam sesi perbicaraan melalui teknologi komunikasi jarak jauh tersebut sepanjang masa dan tidak meninggalkan prosiding tanpa kebenaran Pengerusi.
- e) Mahkamah boleh menghentikan sebentar sesi perbicaraan melalui teknologi komunikasi jarak jauh dan menjemput semula pihak-pihak menyertai sesi perbicaraan tersebut selepas itu; dan
- f) Setiap sesi perbicaraan melalui teknologi komunikasi jarak jauh akan dirakamkan oleh Mahkamah dengan menggunakan

fungsian rakaman yang ditetapkan oleh Mahkamah. Rakaman sesi perbicaraan secara teknologi komunikasi jarak jauh yang dibuat oleh pihak Mahkamah hendaklah menjadi rekod digital yang sah sebagaimana peruntukan Kaedah-Kaedah Mahkamah Perusahaan (Perekodan Digital untuk Prosiding) 2015.

Bertarikh : 1 Februari 2021



**DATO' RASIDAH BINTI HAJI CHIK  
YANG DIPERTUA  
MAHKAMAH PERUSAHAAN MALAYSIA**

